

# Kemas, UMSKAL tubuh Taska Permata

UM: 20.5.2015 26

**LABUAN 19 Mei** - Penubuhan Taska Permata yang merupakan usaha sama Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) bersama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) adalah bertujuan menyahut seruan kerajaan.

Bukan sahaja mampu mengeratkan lagi hubungan baik antara pihak universiti dengan kakitangan Kemas cawangan Labuan, malah usaha baik itu turut memasyarakatkan UMSKAL dengan penduduk setempat.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Hassan Mohd. Amin berkata, taska yang terletak dalam kampus UMSKAL itu dilihat praktikal untuk memberi kemudahan kepada kakitangan dan petugas universiti serta masyarakat sekitar.

Jelasnya, beroperasi dari pukul 7 pagi hingga 5 petang, kemudahan itu ternyata memberi kelengkapan besar secara khususnya buat kumpulan petugas universiti kerana tidak perlu berulang jauh menghantar anak.

“Bukan sahaja luas dan selesa, kemudahan ini juga terjamin dari aspek keselamatan. Malah pelbagai kemudahan dan peralatan pembelajaran lengkap disediakan di premis Taska Permata ini,” katanya ketika merasmikan kemudahan itu di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohammad Tuah; Pengarah Kemas Labuan, Abd. Rahim Omar Baki serta Pengerusi Taska Per-



**HASSAN MOHD. AMIN (kanan)** merasmikan Taska Permata di UMSKAL, Labuan, baru-baru ini.

mata Kemas UMSKAL, Bolhasney Borhanordin.

Sementara itu, Zamri melahirkan keyakinan bahawa penubuhan Taska Permata itu selaras dengan hasrat Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Menurutnya, kemudahan itu dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang berada di sekitar universiti untuk menghantar anak ke Taska Permata berkenaan.

Selain itu, katanya, taska itu yang terletak di dalam kampus

akan memudahkan kakitangan menghantar anak, sekali gus menghilangkan kerisauan ketika menjalankan tugas seharian.

“Alat bantu mengajar turut disediakan di taska ini. Kemudahan ini diharap dapat meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

“Selain itu, aspek keselamatan menjadi keutamaan bagi memastikan anak sentiasa selamat di pusat penjagaan ini,” katanya menambah Taska Permata itu mula beroperasi pada 5 Mei lalu.